



INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA

PANDUAN ADUAN INTEGRITI

PENGENALAN

1. Sistem Aduan Integriti (SAI) Institut Sukan Negara (ISN) merupakan saluran untuk warga ISN dan orang ramai membuat aduan integriti berkaitan perlakuan jenayah rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa atau pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi. SAI akan menapis, memproses, meneliti dan menilai maklumat atau aduan yang diterima sebelum tindakan selanjutnya.

Antara skop kesalahan yang boleh dilaporkan adalah seperti di Bahagian II, Tatakelakuan, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

- (a) Penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan;
- (b) Memberi/menerima/meminta/menawar rasuah;
- (c) Pelanggaran undang-undang, peraturan dan etika standard seperti berikut;-
 - Tidak hadir bertugas/tidak mematuhi Waktu Bekerja Berperingkat (WBB)
 - Gangguan seksual/berkhalwat/berkelakuan sumbang
 - Tidak melakukan pengisytiharan harta/mengemaskini pemilikan harta baru dan pelupusan harta lama
 - Penyalahgunaan dadah
 - Melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran Ketua Jabatan
 - Ke luar negara tanpa kebenaran bertulis Ketua Jabatan
- (d) Pengurusan kewangan yang tidak cekap dan telah menyebabkan berlakunya pembaziran sumber kerajaan; atau
- (e) Tidak jujur/tidak amanah/tidak bertanggungjawab seperti berikut;-
 - Membuat tuntutan palsu
 - Mengemukakan sijil cuti sakit palsu
 - Pembocoran rahsia kerajaan/maklumat terperingkat
 - Penyalahgunaan peralatan pejabat
 - Menyalahgunapakai kenderaan Institut

PANDUAN MENYALURKAN ADUAN

2. Bagi maksud tersebut, aduan atau maklumat salahguna jenayah dan pelanggaran tatakelakuan boleh diklasifikasikan sebagai berikut:
 - 2.1. **Salahlaku** iaitu apa-apa perbuatan yang melanggar tatakelakuan di bawah Akta 605, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa;
 - 2.2. **Penyalahgunaan kuasa** iaitu apa-apa ketidakpatuhan kepada peraturan semasa menjalankan kuasa di bawah undang-undang atau peraturan yang berkuatkuasa;
 - 2.3. **Jenayah Rasuah** iaitu termasuk apa-apa kesalahan meminta, menawarkan atau menerima suapan/rasuah, kesalahan tuntutan palsu, menggunakan jawatan dan kedudukan untuk mendapatkan suapan/rasuah seperti yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 16,17,18 dan 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain kesalahan yang ditetapkan dalam Akta yang sama.

KAEDAH PENYALURAN ADUAN & MAKLUMAT

3. Mana-mana warga ISN atau orang awam boleh menyalurkan aduan atau maklumat salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi kepada Unit Integriti melalui saluran berikut:
 - 3.1. Borang yang boleh dimuat turun melalui Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM) dan Portal Rasmi ISN <http://www.isn.gov.my/>;
 - 3.2. Emel ke integriti@isn.gov.my; atau
 - 3.3. Menghadirkan diri ke Pejabat Unit Integriti atau memanjangkan aduan tersebut secara bertulis ke Unit Integriti, Pusat Direktorat; atau
 - 3.4. Melalui Portal Sistem Pengurusan Aduan SPRM di pautan berikut <http://portaladuan.sprm.gov.my/> atau di talian bebas tol 1-800-88-6000.

PANDUAN MEMBERI MAKLUMAT BERKUALITI

4. Sila pastikan aduan dan maklumat itu tidak bersifat terlalu umum bagi membolehkan pihak Unit Integriti atau SPRM dapat mengambil tindakan sewajarnya. Kumpulkan maklumat yang diperolehi dan sampaikan isi penting seperti berikut:
 - Bila kejadian berlaku (*when*)
 - Di mana kejadian itu berlaku (*where*)
 - Siapa yang terlibat dan yang boleh membantu (*who*)
 - Apa jenis kesalahan yang dilakukan (*what*)

- **Kenapa kesalahan tersebut dilakukan (*why*)**
 - **Bagaimanakah transaksi rasuah atau pelanggaran tatakelakuan tersebut dilakukan (*how*)**
5. Sila sertakan nama dan maklumat diri anda. Unit Integriti boleh menerima aduan atau maklumat daripada pemberi maklumat yang tidak dikenali, tetapi adalah lebih baik sekiranya kami dapat menghubungi semula anda bagi membantu kami bertindak lancar dan pantas. Unit Integriti tidak dapat mengambil tindakan ke atas maklumat yang tidak lengkap atau terlalu umum dan tiada maklumat perhubungan untuk mendapatkan maklumat lanjut.
 6. Anda juga boleh mengetahui status aduan atau maklumat anda melalui SAI sekiranya anda menyertakan nama dan maklumat seperti emel atau nombor telefon mudah alih.
 7. Pemberi maklumat adalah dilindungi di bawah undang-undang:
 - **Seksyen 65(1), Akta SPRM 2009;**
 - **Seksyen 7, 8 dan 9, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010; dan**
 - **Akta Perlindungan Saksi 2009.**

BAGAIMANA SAI BERFUNGSI

8. Aduan atau maklumat akan melalui proses saringan bagi mengenalpasti:
 - **Aduan/Maklumat yang berunsur rasuah atau tidak;**
 - **Aduan/Maklumat yang boleh diambil tindakan atau tidak; dan**
 - **Orang yang dituduh boleh dikesan/dikenalpasti atau tidak.**
9. Selepas proses saringan, aduan atau maklumat yang terpilih iaitu maklumat yang mencukupi berkaitan dengan tatakelakuan melibatkan salah laku dan salahguna kuasa di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta 605 atau undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa akan diambil tindakan oleh Unit Integriti.
10. Sekiranya maklumat tersebut adalah berkaitan **jenayah rasuah, kes tersebut akan dirujuk terus ke agensi penguatkuasaan (SPRM atau PDRM) untuk tindakan lanjut.**

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

11. **Seksyen 65 klausa (1) dan (2), Akta SPRM 2009,** telah memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat dan kandungan maklumat tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang termasuk tidak boleh didedahkan atau

diperintahkan supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

12. Seksyen 7,8 dan 9 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, turut memperuntukkan bahawa seseorang pemberi maklumat yang telah mendedahkan pelakuan tidak wajar pegawai ISN termasuk rasuah atau salahguna jawatan dan kedudukan kepada SPRM atau penguatkuasa lain, beliau hendaklah diberi perlindungan maklumat sulit, kekebalan dari tindakan sivil atau jenayah atau tindakan tatatertib dan perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.

KEWAJIPAN ANDA MELAPOR RASUAH

13. Adalah menjadi kewajipan anda melaporkan pemberian, janji atau tawaran suapan rasuah oleh mana-mana orang. Anda bersalah sekiranya gagal melaporkan sogokan rasuah. Jika disabitkan kesalahan, anda boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau hukuman penjara tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali - **Seksyen 25(1), Akta SPRM 2009.**
14. Sekiranya anda merupakan orang awam, adalah menjadi kewajipan untuk melaporkan segera daripadnya suapan rasuah diminta atau diperolehi secepat mungkin. Anda bersalah jika tidak melaporkan segera suapan rasuah itu. Jika disabitkan, anda boleh dihukum penjara tidak lebih dua (2) tahun atau denda tidak lebih RM10,000.00 atau kedua-duanya sekali. - **Seksyen 25(3), Akta SPRM 2009.**